

WANITA SEJAHTERA



■ Program MATAHARI atau Program Meningkatkan Daya Tahan & Psikologi Wanita adalah program yang menekankan 3 aspek utama iaitu mengenal diri dan mempelajari aspek psikologi, membina ketahanan (*Resilience*) dan adaptasi yang dinamik dengan perubahan (*Adaptability*).

■ Sehingga 31 Julai 2023, sebanyak 137 program telah dilaksanakan yang melibatkan seramai 36,581 orang peserta.



■ Program IRIS atau Program Literasi Perundangan dan Hak Wanita menekankan kepada penyelesaian kepada masalah yang dihadapi melalui kaedah perundangan.

■ Sehingga 31 Julai 2023, sebanyak 121 program telah dilaksanakan yang melibatkan seramai 24,736 orang peserta.



■ Penubuhan SUKARELAWAN Skwad Waja bertujuan untuk memperkasakan komuniti melalui program bimbingan psikososial dan aktiviti dalam komuniti khususnya wanita bagi meningkatkan kesedaran tentang isu-isu jenayah.

■ Sehingga kini, terdapat seramai 328,558 orang ahli Skwad Waja di seluruh negara melibatkan 253,973 orang wanita (77.3%) dan 74,585 orang lelaki (22.7%).

PROGRAM SUBSIDI UJIAN MAMOGRAM

■ Program ini telah memberi pendedahan dan manfaat kepada lebih ramai wanita terutama dalam kalangan B40 di kawasan luar bandar untuk menjalani ujian mamogram di samping menambah pengetahuan dalam penjagaan payudara.



PROGRAM SARINGAN KANSER SERVIKS (UJIAN HPV DNA)

■ Program ini telah memberi pendedahan dan manfaat kepada lebih ramai wanita terutama dalam kalangan B40 di kawasan luar bandar untuk menjalani ujian mamogram di samping menambah pengetahuan dalam penjagaan payudara.



WANITA DAN KEPIMPINAN



■ Penjawat awam wanita di peringkat pembuat keputusan melalui pengisian Gred Utama C dan ke atas telah meningkat kepada 38.8 % pada Disember 2022.

■ Di sektor swasta, wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah di 100 syarikat tersenarai awam yang teratas adalah pada 30.5% berdasarkan laporan daripada Suruhanjaya Sekuriti pada 1 Julai 2023 berbanding 29.0% pada tahun 2022.



■ 32 calon wanita telah menang PRU15 dan menjadi Ahli Parlimen. Ini menjadikan hanya 14.4% Ahli Parlimen daripada kalangan wanita.

■ Lima orang wanita yang dilantik menjadi menteri kabinet atau 17.9% daripada 28 ahli Jemaah Menteri.

INISIATIF WANITA DI LAIN-LAIN AGENSI (PERLINDUNGAN SOSIAL)



Caruman Sukarela KWSP dengan Insentif Khas Kerajaan untuk Suri Rumah yang berdaftar dalam Sistem e-Kasih



SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH

■ Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) memberi perlindungan kepada golongan wanita, sama ada suri rumah sepenuh masa atau separuh masa, daripada bencana domestik dan keilatan.

■ Skim ini menyediakan pelbagai faedah kepada suri rumah yang terlibat dalam bencana domestik atau menghidap keilatan yang menjejaskan keupayaan mereka untuk menguruskan rumah tangga.

■ Syarat Kelayakan :

- Warganegara Malaysia/ pemastautin tetap;
- Belum mencapai umur 55 tahun;
- Suri rumah yang melakukan aktiviti berkaitan pengurusan rumah tangga; dan
- Membayar caruman bagi tempoh 12 bulan secara terlebih dahulu (*advance payment*).



i-SAYANG

Inisiatif i-Sayang ini juga membolehkan suami untuk mencarum secara sukarela sebanyak 2% caruman bulanan, kepada isteri untuk mempunyai simpanan jangka masa panjang.

INISIATIF WANITA DI LAIN-LAIN AGENSI (KEUSAHAWANAN)



UDA Biznita (Promo Space & Fashion Street) Khas buat usahawan wanita di bawah kategori PMKS




Skim Pembiayaan Program Teman Tekun: TEKUN Wanita



Pembiayaan Perniagaan DanaNITA Memperhebatkan penyertaan wanita dalam aktiviti keusahawanan



Program Successful Woman Entrepreneurship Engagement Talent Program (SWEET) di bawah Perbadanan Nasional Berhad (Pernas).



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

INISIATIF PEMERKASAAN WANITA



TUJUH PENANDA ARAS DI BAWAH EKONOMI MADANI

- 1** Kedudukan antara 30 ekonomi terbesar dunia
- 2** Indeks Daya Saing Global di tangga ke-12 teratas dunia
- 3** Peratusan pendapatan buruh mencapai 45% daripada jumlah keseluruhan pendapatan
- 4** KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH WANITA MENCAPAI **60%**
- 5** Indeks Pembangunan Manusia di tangga 25 teratas dunia
- 6** Indeks Persepsi Rasuah di tangga 25 teratas dunia
- 7** Kemampuan fiskal, sasaran defisit fiskal 3%, atau lebih rendah

WANITA MALAYSIA SEPINTAS LALU

POPULASI: **48.8%** populasi Malaysia, atau 15.6 juta adalah wanita



Penduduk Wanita Mengikut Kumpulan Umur



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022 & 2023

INISIATIF WANITA DI BAWAH KPWKM

WANITA DAN EKONOMI



- Memberi fokus kepada aktiviti penjanaan pendapatan melalui peluang pekerjaan dan keusahawanan;
- Melibatkan kerjasama dengan pelbagai agensi dan syarikat yang mempunyai aspirasi yang sama untuk membantu golongan sasaran wanita menjana pendapatan;
- Menghubungkan dan memberi peluang pekerjaan kepada 5,920 wanita dalam kedua-dua sektor formal dan informal dan pada tahun 2022 dan menyediakan 35,371 wanita dengan pengetahuan berterusan khususnya dalam pengurusan kewangan.

WeJANA Membantu serta memberi bimbingan, dan panduan kepada wanita yang ingin menjana pendapatan melalui keusahawanan namun tidak mempunyai produk mahupun pengetahuan untuk bermula.

- Seramai 361 peserta terlibat pada tahun 2022 dan seramai 328 peserta (91.7%) telah mempunyai produk / perkhidmatan selepas program ini.

WeBRIDGE Memberi bimbingan dan latihan serta menghubungkan usahawan wanita kepada lebih banyak platform perluasan perniagaan bagi membantu meningkatkan daya maju perniagaan mereka.

- Melibatkan 410 peserta pada tahun 2022 dan telah meningkatkan purata pendapatan antara RM500 hingga RM2,000.



- Melatih wanita, khususnya ibu tunggal bagi meneruskan kelangsungan hidup melalui program keusahawanan bagi menjana pendapatan di dalam industri penjagaan *post natal* (ibu selepas bersalin).



- Inisiatif inovasi sosial bagi menggalakkan penerima bantuan JKM terutamanya di kalangan wanita yang produktif agar berdikari melalui program menjana pendapatan dan meningkatkan taraf hidup mereka agar tidak bergantung selamanya kepada bantuan kerajaan.

WANITA SELAMAT

JERAYAWARA KASIH KPWKM @ADVOKASI AGS




- Program ini juga bertujuan untuk memberikan kesedaran, pendidikan dan pemahaman mengenai gangguan seksual masyarakat melalui Garis Panduan Pelaksanaan Program Advokasi Antigangguan Seksual.




- Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita disambut pada 25 November setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran masyarakat supaya mengambil tindakan segera untuk menghentikan sebarang bentuk keganasan terhadap wanita.



PELUANG DAN PENYERTAAN EKONOMI




PENCAPAIAN PENDIDIKAN



KESIHATAN DAN KEHIDUPAN



PENGUASAAN POLITIK



*Nota Peringkat:
 R - Peringkat Rendah
 M - Peringkat Menengah
 T - Peringkat Tertiar

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022 & 2023

Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI) 2021 : 0.707